

Selasa, Mac 27 2018

Perkasakan diri ceburi bidang strategik

BH 25/3

➔ Wanita perlu lebih dinamik hadapi saingan Revolusi Industri 4.0

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

► Cyberjaya

Bersedia melakukan perubahan supaya lebih dinamik dan tidak hanya kekal pada satu tahap, antara ciri yang patut diterapkan wanita bagi membolehkan golongan itu menongkah arus terutama dalam kepesatan era digital.

Sejajar 2018 Tahun Memperkasakan Wanita, inisiatif itu bertujuan menghadapi Revolusi Industri 4.0 bagi mempersiapkan diri dengan memberikan tumpuan dalam bidang strategik seperti kesihatan, keselamatan, ekonomi, budaya dan pendidikan.

Pengerusi Cyberview Sdn Bhd, Tan

Fakta
nombor

30
PERATUS

sasaran wanita dilantik ahli lembaga pengarah syarikat di GLC menjelang hujung tahun



Mohd Irwan Serigar (tengah) bersama penceramah pada forum edisi keempat siri Cyberview 'Starter Kit' di Cyberjaya, baru-baru ini.

Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata peranan wanita bukan saja penting tetapi membentuk perwakilan bagi kepentingan golongannya untuk memberikan impak kepada generasi akan datang.

Perkasa peranan wanita

"Inisiatif ini bukan saja relevan untuk mengharungi era digital dan fokus kepada Revolusi Industri 4.0 tetapi penting untuk menjadikan wanita sebagai perwakilan.

"Ini penting bagi memperkasakan lagi peranan wanita untuk dapat ditonjolkan menerusi pelantikan mereka sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun iaitu mencapai tahap 30 peratus menjelang akhir tahun ini," katanya pada satu forum

di Futurise Centre, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada forum edisi keempat siri Cyberview 'Starter Kit' yang dianjurkan bertujuan menggalakkan peranan wanita dalam pelbagai bidang terutama mengetengahkan mereka pada era digital ini.

Forum ini turut mengetengahkan forum bertajuk *Redefining The Role of Women in the Digital Age*, menghimpunkan lima panel iaitu pengasas dan pereka kasut Christy Ng.com, Christy Ng serta pengasas dan Pengerusi Urusan Neuramatrix Sdn Bhd, Datuk Munirah Abdul Hamid.

Dr Mohd Irwan berkata, meskipun bilangan wanita masih rendah berbanding lelaki, tetapi mereka mampu menonjolkan pencapaian terbaik jika terus diberikan peluang.

"Wanita ini perlu berpengetahuan luas termasuk mengambil tahu hal ehwal semasa supaya tidak kekuk dalam perbualan, memiliki daya kepimpinan supaya tampak berkeyakinan dan boleh menjadi contoh pada yang lain.

"Selain itu, untuk menjadi pemimpin, seseorang perlu mempunyai beberapa perancangan, bijak mengimbangi kerjaya dan fokus terhadap keluarga, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan boleh menyelami jika berada di tempat orang lain iaitu melihat daripada perspektif berbeza," katanya.

Beliau berkata, jika mahu berjaya seseorang perlu futuristik, iaitu elemen penting pada era digital misalnya mengkaji keperluan masa depan supaya kekal relevan.